

Nasakh Menurut Istilah 'Ulama' Mutaqaddimin

Shah Waliyyullah (Ahmad bin 'Abdir Rahim ad-Dihliwi m.1176H) di dalam al-Fauzul Kabirnya berkata: "Salah satu tempat yang rumit dalam bidang (Usul) Tafsir dan luas perbincangannya serta banyak pula terdapat perbedaan pendapat 'ulama' tentangnya ialah perbincangan tentang Nasikh dan Mansukh.

Antara sebab terpenting bagi kesukaran bab ini ialah kerana berbedanya istilah mutaqqaddimin dan muta'akhhirin tentang Nasakh itu sendiri.

Apabila diteliti dan diperiksa kata-kata Sahabat dan Tabi'in, anda akan mendapati mereka selalu menggunakan perkataan nasakh dengan ma'na lughawinya (pengertiannya di sudut bahasa 'Arab), iaitu *إِزَالَةُ شَيْءٍ بِشَيْءٍ* (menghilangkan sesuatu dengan sesuatu yang lain). Mereka tidak memakainya menurut pengertian yang dipakai oleh 'ulama' Usul ('ulama' muta'akhhirin). Ma'na Nasakh menurut mereka ialah menghilangkan sifat-sifat tertentu dari sesuatu ayat (atau bahagian ayat) dengan ayat (atau bahagian ayat) yang lain, sama ada dengan (1) menyatakan habisnya tempoh beramal dengannya atau (2) dengan memalingkan percakapan daripada ma'na yang hampir dan segera difahami kepada ma'na yang jauh dan tidak segera difahami. Atau (3) dengan menyatakan mana-mana qaid yang terdapat di dalam sesuatu ayat hanyalah qaid ittifaqi. Atau (4) mentakhshiskan yang 'aam. Atau (5) menyatakan perbedaan di antara yang manshush dan apa-apa yang diqiaskan dengannya secara zahir. Atau (6) menghilangkan adat resam jahiliah. Atau (7) menghapuskan syari'at yang lalu. Pintu Nasakh menurut mereka luas. Perkongsian pemikiran juga berlaku dengan banyak sekali dalam bab ini. Dengan itu daerah perbedaan pendapat juga turut meluas, sehingga ayat-ayat yang dimansukhkan sampai kepada lima ratus ayat, bahkan jika direnungi dengan mendalam, niscaya tidak terhingga banyak bilangannya.

Secara ringkasnya Shah Waliyyullah menyimpulkan Nasakh menurut istilah mutaqqaddimin berlaku untuk menyatakan tujuh keadaan:

(1) Menyatakan habisnya tempoh beramal dengan sesuatu nas al-Qur'an. Antara contohnya ialah firman Allah:

وَالَّذِي يَأْتِيَنَّ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِسَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِنْكُمْ فَإِنْ شَهِدُوا فَامْسِكُوهُنَّ فِي الْبُيُوتِ حَتَّى يَتَوَفَّاهُنَّ الْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ﴿١٥﴾

Bermaksud: Dan (terhadap) para wanita yang mengerjakan perbuatan keji, hendaklah ada empat orang saksi diantara kamu (yang menyaksikannya). Kemudian apabila mereka telah memberi persaksian, maka kurunglah mereka (wanita-wanita itu) dalam rumah sampai mereka menemui ajalnya, atau sampai Allah memberi jalan lain kepadanya. (an-Nisaa':15).

Ayat ini dimansuhkan oleh ayat kedua Surah an-Nuur:

الرَّائِيَةُ وَالرَّائِي فَإِجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيْسَ لَهُمَا عَذَابٌ ظَافٍ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

Bermaksud: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman. (an-Nuur:2).

Ertinya ialah ayat ke-2 Surah an-Nuur ini menyatakan habisnya tempoh beramal dengan ayat ke-15 Surah an-Nisaa' yang tersebut sebelum ini. Selepas turun ayat ke-2 Surah an-Nuur ini, perintah yang tersebut di dalam ayat ke-15 Surah an-Nisaa' tidak boleh dipakai lagi, kerana tempoh beramal dengannya telah pun tamat. 'Ulama' mutaqaddimin ternyata hanya bersepakat dengan 'ulama' muta'akhhirin dalam Nasakh bahagian (1) ini sahaja. Adapun bahagian-bahagian lain yang dikemukakan oleh Shah Waliyyullah selepas itu, semuanya tidak menepati definisi nasakh yang diterima pakai oleh 'ulama' muta'akhhirin.

(2) Memalingkan percakapan atau perkataan daripada ma'na yang hampir dan segera difahami kepada ma'na yang jauh dan tidak segera difahami. Antara contohnya ialah firman Allah di bawah ini:

أَجَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفْتُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالْآنَ بَاشِرُوهُمْ وَأَبْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا تُبَشِّرُوهُمْ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسْجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ

Bermaksud: Dihalalkan bagi kamu pada malam hari bulan puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu; mereka adalah pakaian bagimu, dan kamupun adalah pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu tidak dapat menahan nafsumu, kerana itu Allah mengampuni kamu dan memberi ma'af kepadamu. Maka sekarang campurilah mereka dan ikutilah apa yang telah ditetapkan Allah untukmu, dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, iaitu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sampai (datang) malam, (tetapi) janganlah kamu campuri mereka itu, sedang kamu beri'tikaf dalam masjid. Itulah larangan Allah, maka janganlah kamu mendekatinya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada manusia, supaya mereka bertaqwa. (al-Baqarah:187).

Ma'na yang hampir dan segera difahami daripada perkataan benang putih dan benang hitam diketahui semua orang yang mengerti dan memahami bahasa Melayu. Begitulah juga dengan الخيط الأبيض dan الخيط الأسود, ma'na kedua-duanya diketahui oleh semua orang yang mengerti dan memahami bahasa `Arab. Tetapi الخيط الأبيض dengan erti fajar Shadiq atau terang siang dan الخيط الأسود dengan erti kegelapan malam tidak diketahui semua orang dan tidak itu yang segera difahami baik oleh orang yang mengerti bahasa `Arab atau bahasa Melayu. Rangkai kata من الفجر yang terdapat diujung bahagian yang bergaris di dalam ayat al-Qur'an yang dikemukakan di atas dan juga terjemahannyalah yang memalingkan rangkai kata الخيط الأبيض (benang putih) dan الخيط الأسود (benang hitam) daripada ma'nanya yang hampir dan segera difahami kepada ma'nanya yang jauh dan tidak segera difahami, iaitu fajar Shadiq. Ialah yang menerangkan maksud sebenar kedua-dua perkataan tersebut digunakan di dalam ayat 187 Surah al-Baqarah tadi. Oleh kerana rangkai kata من الفجر menghilangkan ma'na rangkai kata الخيط الأبيض (benang putih) dan الخيط الأسود (benang hitam) daripada ma'nanya yang hampir dan segera difahami kepada ma'nanya yang jauh dan tidak segera difahami, maka ia dikira sebagai nasikh menurut istilah `ulama' Tafsir mutaqaddimin. Itulah sebabnya Imam at-Thahawi (Abu

Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salaamah al-Azdi at-Thahawi m.321H) mengatakan rangkai kata من الفجر merupakan nasikh bagi rangkai kata الخيط الأبيض (benang putih) dan الخيط الأسود (benang hitam) yang tersebut sebelumnya. Sedangkan menurut istilah muta'akhhirin, ia langsung tiada kaitan dengan bab nasakh.

(3) Menyatakan mana-mana qaid yang terdapat di dalam sesuatu ayat hanyalah qaid ittifaqi. Antara contohnya ialah firman Allah berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ۖ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ ۖ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَنٍ ۚ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنِ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٨﴾

Bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qishaash berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barang siapa yang mendapat suatu pema'afan dari saudaranya, hendaklah (yang mema'afkan) mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah (yang diberi ma'af) membayar (diat) kepada yang memberi ma'af dengan cara yang baik (pula). Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barangsiapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya siksa yang sangat pedih. (al-Baqarah:178).

Menurut zahir ayat ini, hukuman qishaash yang diwajibkan oleh Allah menghendaki kesamaan di antara pembunuh dan yang dibunuh. Hukuman bunuh tidak boleh dilaksanakan apabila tiada kesamaan di antara pembunuh dan yang dibunuh. Apabila orang merdeka membunuh orang merdeka, hamba membunuh hamba atau wanita membunuh wanita, barulah ada hukuman qishaash yang dituntut Allah menerusi ayat 178 Surah al-Baqarah ini. Jika tidak, maka tidak adalah hukuman qishaash. Hasilnya ialah orang merdeka tidak boleh dibunuh (diqishaash) kerana membunuh hamba, kerana tidak ada persamaan di antara mereka berdua. Orang merdeka lebih mulia berbanding hamba. Lelaki tidak boleh dibunuh dengan sebab membunuh perempuan, kerana tidak ada persamaan juga di antara mereka. Lelaki lebih utama daripada wanita. Berbeza kalau sebaliknya berlaku. Jika wanita membunuh lelaki, maka ia wajib dibunuh kerana kedudukannya lebih rendah berbanding lelaki. Hamba juga wajib dibunuh apabila membunuh orang merdeka, kerana kedudukannya lebih rendah berbanding lelaki. Demikianlah akan difahami kalau sifat merdeka, wanita dan hamba dianggap sebagai

qaid ihtirazi atau syarat yang mesti. Padahal qaid itu bukan qaid ihtirazi, malah ia hanya qaid ittifaqi semata-mata. Ada sebab dan latar belakang tertentu yang menghendaki sifat-sifat itu disebutkan. Ia hanya berkait dengan sebab dan latar belakang bekenaan sahaja.

Bagi Imam Abu Hanifah, ats-Tsauri, Ibnu Abi Laila dan lain-lain yang memang menganggap qaid itu sebagai qaid ittifaqi, tidak timbul sebarang masalah pada firman Allah tersebut. Firman Allah di dalam Surah al-Maa'idah di bawah ini merupakan bayan (keterangan) bagi ayat 178 Surah al-Baqarah yang dikemukakan tadi. Lihat firman Allah di dalam Surah al-Maa'idah berkenaan:

وَكُتِبَتْ عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

Bermaksud: Dan Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (At-Taurat) bahawasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qishaashnya. Barang siapa yang melepaskan (hak qishaash)nya, maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barang siapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim. (al-Maa'idah:45).

Di dalam ayat ini hukuman qishaash tidak dikaitkan langsung dengan sifat-sifat yang disebutkan di dalam ayat 178 Surah al-Baqarah. Ini menunjukkan qaid yang terdapat di dalamnya hanya qaid ittifaqi. Nyawa tetap dibalas dengan nyawa, tidak kira nyawa siapa pun yang diragut dan siapa pun yang meragut nyawanya. Tetapi menurut Ibnu 'Abbaas, Sya'bi, Qataadah, Sa'id bin Musaiyyab, an-Nakha'i dan lain-lain qaid di dalam ayat al-Baqarah itu memang qaid ihtirazi (syarat yang mesti), cuma ia tidak boleh dipakai kerana dimansuhkan oleh ayat 45 Surah al-Maa'idah.

(4) Mentakhshiskan yang 'aam. Ertinya ialah mengkhususkan ma'na perkataan yang umum dengan sebahagian afraadnya sahaja. Antara contohnya ialah firman Allah s.w.t. di bawah ini:

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْذَوْا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفَوْهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ

عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾

Bermaksud: Kepunyaan Allah-lah segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikannya, niscaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (al-Baqarah:284).

Ayat ini menyatakan Allah menghitung dan mengambil kira (sebagai kesalahan) serta menghukum manusia atas segala apa yang terlintas di hatinya, sama ada ia menyatakannya atau menyembunyikannya. Ia umum merangkumi semua lintasan hati. Kalau begitu sukarlah manusia akan terlepas daripada dosa, kesalahan dan hukuman Allah. Keadaan itu akan membuatkan manusia sentiasa berada dalam ketakutan, kebimbangan dan keresahan. Ayat 286 seterusnya mentakhsiskan (menyempitkan) erti umum yang terdapat di dalam ayat 284 tadi. Allah berfirman:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا

إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى

الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Bermaksud: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebaikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): “Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri ma`aflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir.” (al-Baqarah:286).

Ayat ini menyatakan yang dikira sebagai salah dan dosa ialah apa yang mampu dan sanggup diusahakan oleh manusia. Adapun sesuatu yang di luar kemampuan dan kesanggupannya seperti lintasan hati, keadaan terlupa dan tersalah, maka itu tidak dikira sebagai suatu kesalahan dan dosa. Menurut istilah mutaqaddimin ayat 286 Surah al-Baqarah ini merupakan nasikh bagi ayat 284 sebelumnya, kerana ia telah mentakhsiskan erti umum yang terdapat pada ayat 284 itu.

(5) Menyatakan perbezaan di antara yang manshush (apa yang disebut dengan terang di dalam nas) dan apa-apa yang diqiaskan dengannya secara zahir. Atau dengan kata lain, menyatakan qias fasid (qias yang tidak memenuhi syarat-syarat qias yang betul) dan kemudian menolaknya. Apabila sesuatu ayat menolak qias fasid, maka menurut istilah mutaqaddimin ia juga merupakan nasikh kepadanya. Contohnya ialah kata-kata orang-orang kafir yang dinukilkan oleh Allah sebagai qias fasid mereka. Kata mereka: *إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا* Bermaksud: “Sesungguhnya jual beli itu sama saja dengan riba.” Untuk menyatakan ada perbezaan di antara jual beli dan riba dan menolak riba, Allah berfirman selepas itu: *وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا* Bermaksud: “Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.” Menurut istilah mutaqaddimin, firman Allah: *وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا* itu juga merupakan nasikh bagi: *إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا* yang merupakan qias fasid orang-orang kafir yang digambarkan oleh Allah dalam bentuk kata-kata mereka. Kedua-dua firman Allah itu sebenarnya terkandung dalam ayat yang sama di dalam Surah al-Baqarah. Di bawah ini diperturunkan ayat berkenaan selengkapannya bersama-sama terjemahannya:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٨٦﴾

Bermaksud: Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari

mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya. (al-Baqarah:275).

- * (6) Menghilangkan dan menghapuskan adat resam jahiliah. Di zaman jahiliah sebagai contohnya, berkahwin dengan isteri ayah bukanlah suatu yang terlarang dan dianggap keji. Adat ini malah diamalkan secara meluas di kalangan masyarakat jahiliah. Untuk menolak adat resam yang jelik itulah Allah berfirman:

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٢٢﴾

Bermaksud: Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perkara yang keji dan dibenci (oleh Allah), serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam perkahwinan). (an-Nisaa':22). Firman Allah ini menurut istilah mutaqaddimin merupakan nasikh bagi adat resam jahiliah yang keji itu.

Semasa jahiliah juga ramai masyarakat 'Arab bertawaf di Baitillah dengan bertelanjang, maka Allah mmenurunkan ayat ini:

يَبْنَیْ عَادَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Bermaksud: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas. (al-A'raaf:31). Ayat ini juga menurut 'ulama' mutaqaddimin memansuhkan adat jahiliah yang jelik itu.

- (7) Menghapuskan syari'at yang lalu. Dalam syari'at Nabi Musa, hukuman ke atas pembunuh dengan sengaja tidak ada lain selain dibunuh balas (diqishaash). Menurut istilah mutaqaddimin, firman Allah dibawah ini merupakan nasikh bagi syari'at Nabi Musa itu:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ۚ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ ۚ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ ۖ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَنٍ ۚ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنِ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٨﴾

178. Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qishaash berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barangsiapa yang mendapat suatu pema'afan dari saudaranya, hendaklah (yang mema'afkan) mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah (yang diberi ma'af) membayar (diat) kepada yang memberi ma'af dengan cara yang baik (pula). Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barang siapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya siksa yang sangat pedih. (al-Baqarah:178).

Berdasarkan ayat ini, pembunuh dengan sengaja selain boleh dibunuh, ia juga boleh dima'afkan dengan dituntut membayar diat (bayaran ganti rugi) atau dima'afkan sahaja tanpa dituntut membayar diat. Walaupun ia tidak boleh dianggap nasikh bagi syari'at Nabi Musa, kerana tidak menepati syarat-syarat nasakh yang disepakati oleh 'ulama' usul dari kalangan muta'akkhirin, namun menurut istilah mutaqaaddimin ia sudah merupakan nasikh.

Semua yang disebutkan oleh Shah Waliyyullah itu termasuk dalam daerah nasakh menurut 'ulama' mutaqaaddimin. Bahkan kalau dilihat kepada keluasan daerah nasakh yang berpunca daripada penggunaan perkataan nasakh menurut bahasa `Arab yang luas itu, niscaya menyebutkan istitsna', syarat, atau sifat bagi sesuatu juga merupakan nasikh baginya. Itulah sebabnya bagi mereka bilangan ayat-ayat al-Qur'an yang mansukh itu menjangkau lima ratus ayat. Malah mengikut Shah Waliyyullah, tidak terhitung banyaknya bilangan ayat-ayat yang mansukh menurut qaedah mutaqaaddimin.

Jumlah Ayat-Ayat Al-Qur'an Yang Dimansuhkan Menurut Qaedah 'Ulama' Muta'akkhirin

Di dalam nota sebelum ini telah dinyatakan qaedah nasakh yang diterima pakai oleh 'ulama' usul muta'akkhirin. Walaupun mereka menerima adanya nasakh di dalam al-Qur'an, tetapi untuk memenuhi syarat-syaratnya agak sukar juga ditemui ayat-ayat yang memang disepakati mereka sebagai ayat-ayat yang mansukh. Kerana itulah tidak ada kesepakatan di kalangan 'ulama' muta'akkhirin tentang jumlah sebenar ayat-ayat yang mansukh itu. Shah Waliyyullah

mengemukakan jumlah ayat-ayat mansukh dan nasikhnya yang paling sedikit diterima oleh tokoh-tokoh 'ulama' muta'akhhirin. As-Suyuthi (Jalaluddin 'Abdur Rahman bin Abi Bakr as-Suyuthi m.911H) misalnya bersetuju dengan Ibnu al-'Arabi (Abu Bakr Muhammad bin 'Abdillah al-Ma'afiri al-Andalusi m.543H) tentang ayat-ayat yang dimansukhkan itu hanya berjumlah 20 sahaja. Itulah bagi mereka yang benar-benar menepati dan memenuhi syarat-syarat nasakh menurut qaedah muta'akhhirin. Shah Waliyyullah bagaimanapun tidak bersetuju dengan mereka. Bagi beliau yang betul-betul menepati qaedah muta'akhhirin hanya 5 ayat sahaja daripada 20 ayat yang diteriman Ibnu al-'Arabi dan as-Suyuthi. 15 daripadanya masih boleh dita'wil dan boleh dikeluarkan daripada senarai ayat-ayat yang dimansukhkan. Di bawah ini dikemukakan 20 ayat yang dikatakan telah dimansukh bersama-sama nasikhnya oleh Ibnu al-'Arabi dan as-Suyuthi di samping komentar Shah Waliyyullah:

(1) Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 180 ini:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Bermaksud: Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu bapa dan karib kerabatnya secara ma'ruf, (ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertaqwa. (al-Baqarah:180).

Melalui ayat ini, Allah mewajibkan orang yang hampir mati berwasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabatnya, kemudian ia di mansukhkan. Apakah yang memansukhkannya? Para 'ulama' berbeda pendapat tentangnya. Dalam menentukan nasikhnya mereka terbahagi kepada tiga golongan:

(i) Golongan yang mengatakan ia dimansukhkan dengan ayat pesaka. Di bawah ini dikemukakan ayat pesaka yang dimaksudkan itu:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ ؕ وَأَبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٠٧﴾

Bermaksud: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: Satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepadamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) Ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (an-Nisaa':11).

(ii) Golongan yang mengatakan ia dimansuhkan dengan hadits Nabi s.a.w. berikut:

إِنَّ اللَّهَ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةَ لَوَارِثٍ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah memberi kepada tiap-tiap yang berhak akan haknya, maka tiada lagi wasiat untuk waris. (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Majah, Tirmidzi, Nasaa'i, dan ad-Daaraquthni).

(iii) Golongan yang mengatakan ia dimansuhkan dengan Ijma'. Pendapat ini ditolak oleh kebanyakan 'ulama'. Kerana Ijma' bagi mereka seperti qias, tidak dapat memansuhkan nas sama ada al-Qur'an atau as-Sunnah. (Lihat Wahbah az-Zuhaili – al-Wajiz Fil Fiqh al-Islami j.2 m/s 242).

Kebanyakan 'ulama' menerima ayat pesaka sebagai nasikh bagi ayat 180 di dalam surah al-Baqarah tersebut. Adapun hadits Nabi: إِنَّ اللَّهَ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةَ لَوَارِثٍ Bermaksud: Sesungguhnya Allah telah memberi kepada tiap-tiap yang berhak akan haknya, maka tiada lagi wasiat untuk waris.”, maka ia hanya sebagai penjelas (مُيِّن) kepada ayat pesaka sahaja. Itu jugalah pendapat yang ditarjihkan oleh Shah Waliyyullah.

Ini adalah salah satu daripada 5 ayat yang diterima oleh Shah Waliyyullah sebagai telah dimansuhkan.

(2) Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 184 di bawah ini. Lihat khususnya bahagian yang bergaris di bawahnya:

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٥﴾

Bermaksud: (iaitu) dalam beberapa hari yang tertentu. Sesiapa di antara kamu sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin. Sesiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. (al-Baqarah:184).

Ia dikatakan telah dimansukh oleh firman Allah selepasnya. Lihat khususnya bahagian ayat yang bergaris di bawahnya:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِيُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِيُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٠١﴾

Bermaksud: (Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang bathil). Kerana itu, sesiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu, dan sesiapa yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu bertakbir mengagungkan

Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, dan supaya kamu bersyukur. (al-Baqarah: 185).

Sesetengah `ulama' muta'akhhirin tidak menerima ayat 184 Surah al-Baqarah itu dimansukhkan oleh ayat 185. Ayat 184 bagi mereka adalah muhkam, tidak mansukh. Ia dilepaskan daripada hukum nasakh dengan beberapa ta'wilan berikut:

(i) Dengan mentaqdirkan haraf لا sebelum perkataan يطيقونه. Ia adalah suatu penggunaan yang lumrah dalam bahasa `Arab. Jadi ertinya ialah: Dan wajib bagi orang-orang yang tidak mampu mengerjakannya (tidak mampu berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan kepada seorang miskin. Ia bagi mereka ini boleh dipakai oleh orang-orang terlalu tua dan tidak mampu berpuasa atau orang-orang lain yang tidak mampu berpuasa kerana sebab-sebab lain seperti sedang mengandung, menyusui dan sebagainya. Sedangkan ayat 185 itu pula untuk orang-orang yang sememangnya mampu berpuasa.

(ii) Shah Waliyyullah juga tidak menerima ayat 184 Surah al-Baqarah dimansukh oleh ayat 185 dari Surah yang sama. Tetapi cara ta'wilan beliau berbeza daripada cara ta'wilan golongan pertama tadi. Kalau golongan (i) mengatakan marji' dhamir pada perkataan يطيقونه ialah perkataan الصيام yang telah tersebut sebelumnya, maka Shah Waliyyullah pula mengatakan marji'-nya ialah perkataan فدية yang terletak selepasnya. Tidak menjadi kesalahan sesuatu dhamir kembali kepada perkataan yang terletak selepasnya, jika perkataan itu pada rutbah (pangkat / kedudukan sebenarnya) sememangnya berada sebelum dhamir berkenaan. Ini kerana perkataan فدية di dalam tarkib (susunan ayat) itu menjadi mu'takhar disebabkan ia merupakan isim nakirah, dan firman Allah وعلى الذين يطيقونه pula merupakan khabar muqaddamnya. Oleh kerana mu'takhar pada rutbahnya mendahului khabar, maka harus dhamir pada يطيقونه dikembalikan kepadanya. Soal bagaimana dhamir pada يطيقونه yang muzakkar itu boleh dikembalikan kepada فدية juga tidak timbul bagi Shah Waliyyullah, kerana perkataan فدية itu dita'wilkan dengan perkataan طعام. Jadi ertinya menurut Shah Waliyyullah ialah: Dan wajib bagi orang-orang yang mampu, memberi makan iaitu memberi makan kepada seorang miskin. Maksud firman Allah itu bagi Shah Waliyyullah ialah mewajibkan Zakat Fithrah berupa makanan kepada seorang miskin ke atas orang-orang yang mampu (kaya) sebelum mereka habis berpuasa di bulan Ramadhan. Sebagaimana Allah juga memerintahkan agar orang-orang Islam bertakbir selepas selesai berpuasa di bulan Ramadhan

dan seterusnya berhari raya melalui firmanNya di akhir ayat 185 Surah al-Baqarah: وَلِتُكْبِرُوا اللَّهَ (dan hendaklah kamu bertakbir mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, dan supaya kamu bersyukur). Ayat 184 diakhiri dengan perintah membayar Zakat Fithrah. Ayat 185 pula diakhiri dengan perintah bertakbir dan berhari raya.

(iii) Ramai juga 'ulama' muhaqqiqin berpendapat ayat 184 tidak dimansuhkan oleh ayat 185. Ayat 184 hanya menyatakan ada juga orang yang dapat berpuasa, tetapi dengan keberatan dan agak sukar, kerana perkataan يطيق sememangnya bererti dapat melakukan sesuatu, tetapi dengan keberatan dan agak sukar. Orang-orang 'Arab dalam percakapan mereka berkata: إني أطيق Bermaksud: "Aku dapat mengangkat batu yang berat ini", apabila batu itu dapat diangkatnya, tetapi dengan susah payah. Mereka tidak pernah berkata: إني أطيع Bermaksud: "Aku dapat mengangkat suapan ini ke mulutku." Kerana ia bukanlah suatu yang berat dan susah dilakukan. Terjemahan yang diberikan di atas adalah berdasarkan pendapat ke-(iii) ini.

(3) Ayat 183 Surah al-Baqarah, iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa.(al-Baqarah:183).

Di dalam ayat ini Allah mengatakan "diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu". Sebagaimana orang-orang sebelum kamu dilarang bersetubuh dengan isteri pada waktu malam hari berpuasa, maka begitulah juga dengan kamu.

Sesetengah 'ulama' mengatakan ia telah dimansukh oleh firman Allah di bawah ini. Lihat khususnya bahagian yang bergaris di bawahnya:

أُجِّلَ لَكُم لَيْلَةُ الصِّيَامِ الرَّقْتُ إِلَى ذِي الْحِجَّةِ هُنَّ لَيَالٍ لَّكُم وَأَنْتُمْ لَيَالٍ لَّهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالْآنَ بَاشِرُوهُنَّ وَأَبْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ

الْأَسْوَدَ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصَّيَّامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا تُبْشِرُوهُمْ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

Bermaksud: Dihalalkan bagi kamu pada malam hari bulan puasa bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu; mereka adalah pakaian bagimu, dan kamupun adalah pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu tidak dapat menahan nafsumu, kerana itu Allah mengampuni kamu dan memberi ma'af kepadamu. Maka sekarang campurilah mereka dan ikutilah apa yang telah ditetapkan Allah untukmu, dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, iaitu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sampai (datang) malam, (tetapi) janganlah kamu campuri mereka itu, sedang kamu beri'tikaf dalam masjid. Itulah larangan Allah, maka janganlah kamu mendekatinya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada manusia, supaya mereka bertaqwa. (al-Baqarah:187).

Sesetengah 'ulama' pula mengatakan yang dimansukhkannya ialah hadits Rasulullah s.a.w., bukan ayat 183 Surah al-Baqarah tadi. Ini kerana di peringkat permulaannya orang-orang yang berpuasa dilarang daripada bersetubuh dengan isteri-isteri mereka pada malam hari berpuasa.

Shah Waliyyullah menolak kedua-dua pendapat tersebut. Bagi beliau ia tidak memansukhkan ayat 183 dan tidak juga memansukhkan mana-mana hadits Rasulullah s.a.w. Ayat 183 hanya bermaksud menyatakan kita umat Islam diwajibkan berpuasa seperti mana umat-umat sebelum kita juga diwajibkan berpuasa. Itu saja. Ia tidak bererti kita terikat dengan segala tatacara berpuasa mereka semua sekali. Tidak benar juga mengatakan ia memansukhkan hadits Rasulullah s.a.w., kerana tidak diketahui Rasulullah pernah melarang umatnya bersetubuh pada waktu malam di bulan puasa. Apa yang berlaku ialah amalan orang-orang jahiliah dan amalan pengikut saki-baki ajaran nabi-nabi terdahulu yang tidak dipastikan kebenarannya, itulah yang menjadi amalan ikutan umum masyarakat apabila mereka berpuasa. Ayat 187 Surah al-Baqarah itu bagi Shah Waliyyullah hanya menghapuskan adat resam jahiliah dalam berpuasa atau ia menghapuskan dan memansukhkan syari'at terdahulu jika ia benar-benar merupakan sebahagian daripada ajarannya.

(4) Firman Allah s.w.t. berikut juga dikatakan mansukh:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ وَصَدٌّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا يَزَالُونَ يَقْتُلُونَكُمْ حَتَّى يَرُدُّوكُمْ عَنْ دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَعُوا وَمَنْ يَرْدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسُتٌ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

Bermaksud: Mereka bertanya kepadamu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah: “Berperang dalam bulan itu adalah dosa besar; tetapi menghalangi (manusia) dari jalan Allah, dan kufur kepada Allah, (menghalangi masuk) Masjidil Haram dan mengusir penduduknya dari sekitarnya, lebih besar (dosanya) di sisi Allah. Dan berbuat fitnah lebih besar (dosanya) daripada membunuh. Mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup. Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya. (al-Baqarah:217).

Ibnu Jarir at-Thabari menukilkan di dalam Tafsirnya Jami'ul Bayan daripada 'Athaa' bin Maisarah bahawa beliau mengatakan, ayat 217 Surah al-Baqarah itu dimansuhkan oleh firman Allah berikut. Perhatikan khususnya bahagian yang bergaris di bawahnya:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يَقْتُلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٢١٧﴾

Bermaksud: Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya) dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya dan ketahuilah sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertaqwa. (at-Taubah:36).

Menurut Shah Waliyyullah, ayat 217 di dalam Surah al-Baqarah itu tidak menunjukkan haram berperang di bulan-bulan haram. Ia sebaliknya menunjukkan keharusan berperang

padanya. Setelah diterima kehormatan bulan-bulan haram, dinyatakan pula sebab-sebab yang mengharuskan berperang walaupun di bulan-bulan itu, kerana fitnah yang dilakukan oleh orang-orang kafir itu lebih besar lagi daripada menghormati bulan-bulan haram. Kerana itu jika perlu boleh juga berperang pada bulan-bulan tersebut. Jadi apa yang perlu dimansuhkan kalau berperang di bulan-bulan haram itu memang sudah diharuskan apabila perlu. Orang-orang yang mengatakan ayat 36 Surah at-Taubah memansuhkan ayat 217 di dalam Surah al-Baqarah itu kerana ia mengharamkan berperang di bulan-bulan haram. Padahal ia tidak pun mengharamkannya.